

19/07/2004

4 prinsip jamin Umno dinamik

By Zainudin Isa; Rosli Abdul Jalil

PEKAN: Datuk Seri Najib Razak menggariskan empat prinsip teras untuk menjamin Umno terus dinamik dan kekal sebagai parti tonggak yang membela nasib bangsa Melayu serta memacu pembangunan negara.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Naib Presiden yang menjalankan tugas Timbalan Presiden Umno berkata, empat prinsip itu harus menjadi amalan sekiranya ahli dan pemimpin Umno mencintai parti keramat itu.

Prinsip berkenaan ialah:

- * Menjaga dan memelihara perpaduan sesama ahli;
- * Kesetiaan kepada parti;
- * Berkhidmat kepada parti dengan sebaiknya; dan
- * Mengamalkan konsep mesra rakyat.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Pekan di Dewan Majlis Daerah Pekan (MDP) di sini semalam, Najib yang juga Ketua bahagian itu berkata, meskipun perpaduan sering menjadi sebutan, ia tidak sepatutnya menjadi unsur yang boleh diambil mudah sekiranya Umno ingin terus menjadi parti yang kuat.

"Kalau kita anggap tidak penting, ini akan memecahbelahkan parti. Sebaliknya jika kita mempunyai perpaduan itu, maka parti (Umno) akan menjadi kuat," katanya.

Beliau menegaskan jika wujud pertandingan jawatan dalam parti sekalipun, ia harus dilaksanakan dengan cara baik dan mengikut lunas demokrasi.

Prinsip kedua pula, katanya, Umno memerlukan ahlinya yang setia dan komited agar parti tidak berdepan dengan pelbagai masalah dalaman.

"Misalnya, bila parti memberi arahan, kita harus patuh kerana jika kita tidak setia, kita akan berdepan dengan pelbagai masalah dalam parti.

"Saya dengar, ada mereka yang hanya bersungguh bekerja bila diberi habuan, sebaliknya bila wang tak turun ke bahagian, mereka ugut nak bubar bilik gerakan (ketika pilihan raya)," katanya.

Sambil menekankan bahawa konsep berkhidmat bukan saja menjadi slogan, sebaliknya didokong bagi memantapkan institusi Umno, Najib berkata, setiap warga parti mesti rajin, jujur dan melaksanakan semua tanggungjawab yang diamanahkan rakyat.

"Jika kita hanya menjadi ketua cawangan, ketua bahagian atau menumpukan kepada urusan dalaman parti saja, tanpa berfikir bahawa akar umbi itulah menjadi pengundi kita, Umno akan ditimpa musibah," katanya.

Dalam ucapan selama lebih sejam itu, Najib mengimbas bagaimana peritnya beliau dan ahli Umno Pekan yang sering diperlekehkan selepas mendapat kemenangan tipis 241 undi pada Pilihan Raya Umum 1999.

"Mereka momokkan undi 241 ini seolah-olah kita tidak mampu lagi mengawal politik kita di Pekan. Tapi saya anggap itu sebagai satu cabaran yang perlu saya hadapi.

"Pada masa itu, saya terima hakikat bahawa cara terbaik menjawab semua sindiran ini ialah dengan memastikan kita mendapat kemenangan lebih besar. Akhirnya, ia menjadi kenyataan apabila kita memperoleh majoriti 22,922 undi pada pilihan raya lalu iaitu yang kita anggap amat luar biasa pencapaiannya," katanya.

Malah, beliau berkata, selepas pilihan raya 1999 itu, ada juga pihak yang menyebarkan cerita kononnya beliau akan bertanding ke kawasan lain yang lebih selesa dan selamat baginya seperti di Lipis dan Cameron Highlands.

"Tapi, saya tak pernah berniat meninggalkan Pekan kerana hidup dan mati

saya hanya di Pekan dan saya yakin rakyat Pekan mahukan Umno terus memimpin mereka," katanya.

Pada mesyuarat itu, beliau yang mewakili Umno Pekan merakamkan syabas kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menerajui negara selama 23 tahun sehingga melonjakkan Malaysia sebagai negara maju dan dihormati dunia.

"Kita juga ingin ucapkan tahniah kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dilantik sebagai Perdana Menteri dan bakal Presiden Umno tidak lama lagi.

"Umno Pekan juga menghargai kepercayaan yang diberi Abdullah apabila memilih anak kelahiran Pekan sebagai timbalannya.

"Percayalah, pemilihan ini mencetuskan semangat Umno Pekan dan saya berikrar akan menjadi timbalan yang setia," katanya.

Pada sidang media selepas sesi rehat mesyuarat itu pula Najib mengulangi penjelasannya bahawa Majlis Tertinggi (MT) membuat keputusan agar jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno tidak dipertandingkan mengambil kira kesan pertandingan yang boleh menjejaskan perpaduan di kalangan ahli dan keutuhan parti.

"Nampaknya apabila dibentangkan semua bahagian Umno kecuali Gua Musang menerima keputusan itu," katanya ketika diminta mengulas keputusan mesyuarat perwakilan Umno Gua Musang kelmarin yang mencalonkan ketua bahagiannya, Tengku Razaleigh Hamzah untuk merebut jawatan Presiden Umno.

Mengulas perkara itu, Najib berkata, beliau sudah banyak kali memberi penjelasan berhubung pendirian MT dan yakin semua ahli Umno seluruh negara memahami niat di sebalik keputusan itu.

(END)